

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	31 JULY 2016

Najib lawat Jakarta 1-3 Ogos

Um - 31/7/2016

PUTRAJAYA 30 Julai - Datuk Seri Najib Tun Razak akan melakukan lawatan ke Jakarta, Indonesia, dari 1 hingga 3 Ogos ini bersempena Perundingan Tahunan ke-11 antara Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Indonesia, serta menghadiri Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) Ke-12.

Menurut kenyataan Kementerian Luar hari ini, Perundingan Tahunan itu akan diadakan pada 1 Ogos manakala WIEF ke-12 pula berlangsung dari 2 hingga 4 Ogos ini.

Perundingan Tahunan ke-11 merupakan pertemuan pertama Najib dan Presiden Joko Widodo di bawah rangka kerja perundingan tahunan.

"Kedua-dua pemimpin akan membincangkan isu dua hala membabitkan kepentingan bersama dan meneroka bidang baharu kerjasama," menurut kenyataan itu.

Kedua-dua pemimpin juga akan menyaksikan majlis pemeteraian perjanjian dua hala antara Bank Negara Malaysia dan Otoritas Jasa Keuangan Indonesia di bawah Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (ABIF), selain perjanjian antara Kerajaan Indonesia dan Majlis Negara-negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) berhubung Sekretariat CPOPC.

Kementerian Luar berkata, Perundingan Tahunan sebelum ini diadakan di Jakarta pada 19 Disember 2013, sebelum pelantikan Joko Widodo sebagai Presiden.

Perundingan Tahunan ke-11 itu mencerminkan komitmen padu kedua-dua negara untuk terus merapatkan lagi hubungan dua hala yang akrab dan terjalin sejak sekian lama antara Malaysia dan Indonesia.

Indonesia adalah rakan dagang ke-7 terbesar Malaysia dan merupakan ke-3 terbesar dalam kalangan negara ASEAN, dengan jumlah dagangan dua hala antara kedua-dua negara bernilai RM60.16 bilion (US\$15.25 bilion) pada 2015.

Susulan Perundingan Tahunan ke-11 itu, Perdana Menteri akan menghadiri WIEF ke-12, bertemakan 'Memperkembangkan Pertumbuhan, Memperkayakan Perniagaan'.

Forum itu mengambil maklum peranan perusahaan kecil dan sederhana dalam memacu

Waktu Solat		MBSB				
SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	
KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya						
5.51	7.11	1.22	4.44	7.30	8.43	
PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya						
5.54	7.13	1.27	4.48	7.37	8.50	
KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya						
5.47	7.07	1.17	4.39	7.23	8.36	
JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya						
5.46	7.06	1.14	4.36	7.19	8.31	
KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya						
5.21	6.41	12.49	4.11	6.54	8.06	

pertumbuhan ekonomi negara di seluruh dunia, jauh daripada dominasi syarikat multinasional sebelum ini, yang mewakili hanya sebahagian kecil daripada komuniti perniagaan dalam mana-mana negara tertentu.

Kenyataan itu turut menyebut, WIEF ke-12 akan menjadi pentas kepada para peserta untuk mengutarakan cadangan, terutamanya berkaitan cara melaksanakan perkongsian inovatif dan menyediakan peluang bagi kerjasama di masa depan dalam pelbagai sektor.

Forum tahun ini dijangka merupakan forum terbesar dengan dihadiri lebih 2,500 peserta, antaranya para pemimpin dari beberapa negara termasuk Tajikistan, Guinea dan Sri Lanka.

Najib, selaku penaung WIEF, akan menyampaikan ucapan khas semasa sesi perasmian pada 2 Ogos dan dijangka mengadakan beberapa siri pertemuan dua hala dengan rakan sejawatannya untuk membincangkan isu dua hala, serantau dan antarabangsa yang menyentuh kepentingan bersama.

Perdana Menteri dijadual menghadiri beberapa acara di luar forum berkenaan, seperti majlis prapelancongan Komuniti Keusahawanan Global (GECOMMUNITY) oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Beliau akan turut menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman dan perjanjian antara Malaysia dan syarikat antarabangsa. - BERNAMA